

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HSA 101 Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Berikan alasan yang telah dikemukakan oleh Prof. Wang Gang Wu sewaktu menolak kenyataan R.O. Winstedt tentang kedudukan Parameswara dan Megat Iskandar Syah dalam Salasilah Raja-Raja Melaka yang awal.
2. "Soal kebenaran sejarah atau apa yang difahamkan pada hari ini sebagai 'fakta sejarah', dalam sesebuah hikayat, tidak timbul sama sekali. Kebenaran yang terdapat dalam hikayat-hikayat ini adalah kebenaran subjektif iaitu kebenaran yang dilihat dari kacamata dan pengamatan penulis atau penyusun teks, untuk mencapai matlamat tertentu". (Muhammad Yusoff Hashim, Pensejarahan Melayu).  
Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada kaedah penulisan Hikayat Siak dan Tuhfat Al-Nafis.
3. Rakyat bawahan menyelindungi suara kritikan mereka dengan sastera rakyat. Bincangkan.
4. Bincangkan pandangan Abdul Rahman Hj. Ismail tentang soal ketaatsetiaan mutlak rakyat kepada pemerintah. Setujukah anda dengan pandangan beliau?
5. Setujukah anda bahawa pembunuhan Sultan Mahmud II pada 1699 oleh Megat Seri Rama lebih berunsurkan keadilan daripada perasaan membalas dendam?

.../2

6. Perang Saudara merupakan suatu tema yang sentiasa berulang dalam sejarah orang Melayu. Tetapi menurut J.M. Gullick, dalam sistem politik Melayu tidak pernah terjadi satu perpecahan yang menyeluruh. Ini adalah kerana tidak ada seorang pembesarpun yang pernah berusaha memperkuatkan kedudukannya menjadi seorang pemerintah yang merdeka. Tujuan tiap-tiap Perang Saudara itu adalah untuk mendapatkan penguasaan Negeri yang bersatu sebagai kuasa dibelakang Sultan. Sistem politik Melayu akhirnya akan dapat mencapai perpaduan dan keamanannya semula selepas melalui proses perpecahan.

Dengan merujuk kepada mana-mana kes Perang Saudara dan kemunculan negeri baru pada abad 18 dan 19, bahaskan tafsiran Gullick ini.

7. Setujukah anda bahawa teori Imperialisme Baru Hobson-Lenin adalah tepat untuk menerangkan sebab-sebab campur tangan Inggeris di negeri Perak pada Januari 1874.
8. Bincangkan mengapa Ian Black menolak perjuangan Mat Salleh di Sabah (1895-1900) sebagai mempunyai bibit-bibit nasionalisme.

-ooo000ooo-